

21/04/1997

Pusat, BN perlu kaji hubungan dengan Kelantan

KOTA BHARU, Ahad - Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional (BN) perlu mengkaji semula hubungan ekonomi dengan kerajaan Pas Kelantan, berikutan sikap kepemimpinan Pas tidak menghargai keikhlasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sikap ditunjukkan pemimpin Pas Kelantan itu seolah-olah mempermainkan Umno dan BN walaupun jelas ia bertujuan memajukan negeri ini dan rakyat daripada ketinggalan.

Ketua Penerangan BN Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak, berkata adalah lebih baik Umno dan BN terus membantu rakyat di negeri ini seperti diamalkan sekarang menerusi saluran politik.

"Kita percaya Umno dan BN masih mampu membangunkan Kelantan dan membela nasib rakyat walaupun tanpa kerjasama kerajaan Pas.

"Oleh itu, dengan sikap angkuh Menteri Besar adalah wajar kerajaan Pusat mengkaji semula hubungan ekonomi dan rancangan pelaksanaan beberapa projek besar di negeri ini," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa Pas sukar menjalin hubungan politik dengan Umno, berikutan dasar kebangsaan yang menjadi landasan perjuangan Umno.

Sebaliknya, Nik Abdul Aziz mendakwa dasar itu (Umno) berbeza dengan Pas yang mengamalkan dasar Islam.

Perdana Menteri ketika membuat lawatan kerja sehari ke Kelantan 4 April lalu berkata, kerajaan Pusat bersikap pragmatik untuk menjalin kerjasama dengan kerajaan Pas Kelantan jika ia mendatangkan faedah kepada rakyat di negeri ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan Pas supaya tidak mengamalkan sikap menuduh orang Umno sebagai tidak Islam sehingga menyebabkan berlaku peristiwa dua imam dan pengebumian di dua kubur berasingan.

Mohd Rozali berkata, Pas tidak sepatutnya bersikap angkuh sehingga masih menuduh Umno tidak memperjuang Islam.

Umno, katanya, tetap memperjuangkan Islam dan meletakkan agama di tempat paling tinggi, tetapi tidak menjadikannya sebagai alat politik seperti diamalkan Pas.

(END)